
Amalan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan

Sivasanggari Saktianayakan¹, Zamri Mahamod², Norasmah Othman³

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: shivasanggari9803@gmail.com

² *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia*
E-mail: d-zam@ukm.edu.my

³ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia*
E-mail: lin@ukm.edu.my

Abstrak

Kaedah didik hibur merupakan kaedah pembaharuan yang telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada kaedah pengajaran tradisional semasa proses pengajaran Bahasa Melayu. Namun, kebanyakan guru pendidikan Bahasa Melayu dilaporkan masih banyak mengamalkan pengajaran yang berpusatkan guru. Bertitik tolak daripada permasalahan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kaedah didik hibur dan masalah yang dihadapi oleh guru serta menguji hubungan di antara keduanya. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Kajian ini juga telah melibatkan seramai 103 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin, Melaka dengan menggunakan teknik persampelan bersistematik. Hasil analisis, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin, Melaka mempunyai tahap amalan kaedah didik hibur pada tahap sederhana. Ini kerana mereka selalu berdepan dengan masalah semasa melaksanakan kaedah didik hibur. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara tahap amalan kaedah didik hibur guru dengan masalah yang dihadapi oleh guru. Hasil ujian ini melaporkan bahawa terdapat segelintir guru yang tidak menguasai kaedah didik hibur sehingga mendorong mereka tidak menggunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, untuk menyelesaikan isu ini maka kepakaran guru-guru cemerlang adalah diperlukan. Guru-guru cemerlang diharapkan dapat membantu dan mendemonstrasikan cara penggunaan kaedah didik hibur yang betul kepada guru-guru lain agar mereka menjadi mahir, serta selesa menggunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Amalan, Didik Hibur, Guru Bahasa Melayu, Masalah
